

21/09/1998

Politik agenda utama Hari Wanita

Khairana Sabtu

POLITIK akan menjadi agenda utama bagi sambutan Hari Wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno yang dijadualkan berlangsung pada 25 September ini jam 9 pagi di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Setiausaha Kerjanya, Zuraidah Musib berkata selaras tema Hari Wanita tahun ini iaitu Wanita Meneruskan Perjuangan, program yang diatur juga lebih bersifat patriotik.

Katanya, sambutan tahun ini agak istimewa kerana ia bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Fokus utama kami ialah berkaitan politik. Dr Mahathir dijangka akan memberikan ucapan dan amanat beliau berkaitan suasana semasa politik negara."

"Manakala Ketua Pergerakan Wanita Umno pula, Datuk Dr Siti Zaharah dalam ucapannya akan menekankan yang Wanita Umno akan sentiasa meneruskan perjuangan Perdana Menteri."

"Sesuai dengan tema iaitu Wanita Meneruskan Perjuangan, kita di Wanita Umno ingin menyahut perjuangan yang sebelum ini disifatkan oleh Perdana Menteri sebagai 'belum selesai'," katanya.

Pada 25 Ogos lalu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat turut menganjurkan sambutan Hari Wanita dengan tema Wanita: 'Cergas dan Gaya Hidup Sihat'.

Zuraidah berkata, cara sambutan Hari Wanita itu juga berbeza jika dibandingkan sambutan sebelum ini.

"Memang sambutan kali ini agak berlainan. Temanya saja sudah memberikan kelainan kerana Wanita Umno ingin ahlinya mendapat penjelasan yang sebenar mengenai kegawatan yang melanda negara."

"Kita juga mahukan mereka yang hadir menerima amanat yang akan disampaikan oleh Perdana Menteri," katanya.

Sebelum ini, Dr Siti Zaharah mengumumkan Hari Wanita tahun ini akan disambut meriah dengan pelbagai program dari pagi hingga petang diatur antaranya persembahan artis dan talkshow bersangkutan paut dengan wanita.

Bagaimanapun, menurut Zuraidah oleh sebab-sebab tertentu sambutan Hari Wanita itu nanti agak ringkas dan hanya berlangsung dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari.

Sambutan itu dijangka dihadiri hampir 3,000 ahli Wanita Umno di seluruh negara. Pejuang veteran Wanita Umno dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) parti juga dijemput.

"Sebab itulah, fokus utamanya adalah politik bagi menyemarakkan semangat meneruskan perjuangan demi kebaikan semua."

"Program itu termasuk ucapan Pengerusi Sambutan Hari Wanita, Datuk Napsiah Omar, ikrar daripada ahli Wanita Umno untuk menyokong perjuangan Perdana Menteri serta persembahan dramatari," katanya.

(END)